



Dr. Mahathir sambut mesra Timbalannya

● DATUK Musa Hitam dan anak-anak (gambar atas) di-sambut mesra oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa Timbalan Perdana Menteri itu mengunjungi Perdana Menteri pada Hari Raya pertama kelmarin.

● GAMBAR kiri: Datuk Seri Dr. Mahathir bersama bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn semasa mereka bertemu di dalam Bilik Syarahan Masjid Negara, Kuala Lumpur, selepas sembahyang sunat Aidilfitri.

Peristiwa itu dirakamkan ketika Datuk Seri Dr. Mahathir dan Tun Hussein mengadap kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong di situ.

Datin Seri Dr. Siti Hasnah pula dari jauh tersenyum memerhatikannya.